

# Kronologi Peristiwa Berkaitan Bangi: 1910-1919

Laman Utama	1900-1909	1910-1919	1920-1929	1930-1939	1940-1949	1950-1959	1960-1969	1970-1979	1980-1989	1990-1999	Hubungi Kami
-------------	-----------	-----------	-----------	-----------	-----------	-----------	-----------	-----------	-----------	-----------	--------------

Pengakuan penting: Kami bukan ahli sejarah! Sila klik di sini untuk penjelasan lanjut.


## 1910-01-14: Import Arak

Tarikh	Butiran Keratan
1910.01.14	"Untitled". The Straits Times, 4 January 1910, Page 6

Undang-Undang Pengimportan Arak di Bangi.

## 1910-08-15: Jalan Bangi-Semenyih

Tarikh	Butiran Keratan
1910.08.15	"ACQUISITION OF LAND ON ON THE BANGI, SEMENYIH TRACK". PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR @ Arkib Negara Malaysia



Jurutera pembinaan jalan Bangi-Semenyih memohon kerajaan negeri memperolehi tanah di batu ke-3 1/2 jalan tersebut, sebagai kesinambungan kepada [Jalan Reko](#) sebelum ini.



Jalan Bangi-Semenyih: "Foto sekitar 2005."

"Kelihatan dua anak muda santai berbual sambil naik basikal, di handlenya disangkut sebungkus nasi lemak Che Lah. Laluan Jalan Bangi - Semenyih yang dah berusia 115 tahun ini masih berfungsi untuk penduduk tempatan dari zaman laluan lori balak dan traktor estet sampailah ke zaman kereta letrik sekarang ni. Dulu - dulu tebing belah kanan jalan penuh lagi dengan belukar dari depan rumah Muis sampai ke rumah Udin Ami sambung sampailah ke Batu 6, jalannya redup sampai tengahari. Nak cari kayu api sini jugaklah kawasannya dulu. Sekarang dah terang...ada ratusan rumah sedang dibina mencanak naik atas bukit tu. Rumah yang dibina 2025 akan guna jalan yang sama dibina tahun 1910, bila sesak nanti jangan salahkan pulak kenapa Kerajaan British Selangor dulu tak buat siap - siap jalan 4 lorong kat jalan Bangi - Semenyih ni."


(Sumber: Faizal Zainal @ Facebook Pekan Bangi, 30 Oktober 2025: "[Jalan Bangi - Semenyih](#)").

**LATAR PERISTIWA: [Jalan Reko-Sepang](#).**

### 1910-11-03: Jalan Telok Datok-Bangi


Tarikh	Butiran Keratan
1910.11.03	"THE F.M.S. IN 1910". The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser (Weekly), 3 November 1910, Page 13
1911.01.24	"TENDERS FOR THE CONSTRUCTION OF TELOK DATOK-BANGI ROAD". PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR @ Arkib Negara Malaysia
1914.11.19	"CONSTRUCTION WORK, TELOK DATOH, BANGI ROAD, ITEM 75 PAGE 48 ANNUAL ESTIMATES, 1914". PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR @ Arkib Negara Malaysia

Projek-projek di **Negeri-Negeri Melayu Bersekutu**, antaranya jalan dari Telok Datok ke Bangi, sebagai cabang kesinambungan kepada **Jalan Reko-Sepang** sebelum ini.



Jalan Telok Datok-Bangi (ditanda biru), merentasi Hutan Simpan Kuala Langkat Utara, 1929 (Edward Stanford @ F.M.S. Survey Department, 1929:

"1929 F.M.S. Wall Map of Selangor (Kuala Lumpur)".




Peta kasar jalan Telok Datok-Bangi kini ([Google Maps](#)).

**LATAR PERISTIWA: Jalan Rekoh-Telok Datok.**

**1912-01-19: Jalan Ayer Itam - Jalan Bangi**

Tarikh	Butiran Keratan
--------	-----------------





**Kiri:** Kajang-Semenyih-Rinching, Ayer Hitam-Bangi (1929):-

- **Kuning:** Skop pertama (Mr. Moullin): “Sungei Kantan to Sungei Lallang Road (10 miles)”
- **Merah:** Skop kedua (Mr. Moullin): “Sungei Lallang Road to Sungei Renching (4 miles)”
- **Biru:** Skop ketiga (Mr. R.D. Jackson): “Ayer Hitam Road to Bangi Road (6 miles)” (Kemungkinan)

(Berdasarkan peta: Edward Stanford @ F.M.S. Survey Department, 1929:

“1929 F.M.S. Wall Map of Selangor (Kuala Lumpur)”).

**Kanan:** Kajang-Semenyih-Rinching, Ayer Hitam-Bangi (secara kasar, kini, berpandukan [Google Maps](#)).

**LATAR PERISTIWA: Hilary Rougier (H.R.) Moullin (1875-1922)**

**LATAR PERISTIWA: Jalan Ayer Itam (1896-1905)**

# 1913-11-29: Suasana Kajang

Tarikh	Butiran Keratan
--------	-----------------

Tarikh	Butiran Keratan
1913.11.29	"KAJANG REVISITED". <a href="#">The Straits Times, 29 November 1913, Page 10</a>

Suasana di daerah Kajang ketika itu, sebagai antara daerah ladang getah tertua dan terbesar di Malaya.

**CATATAN:** Sudut pandang berbeza: Suatu makalah sejarah masyarakat Cina di Kajang:

"Migration, Settlement and the Rise of a New Middle Class in Malaysian Chinese Society: A Case Study of Kajang", oleh [Diana WONG](#), LIN Chew Man and TAN Pok Suan (2014).

## 1914-03-11: Pembinaan Rumah Kongsi dan Penyelia di Jalan Bangi-Semenyih

Tarikh	Butiran Keratan
1914.03.11	"CONSTRUCTION OF COOLY LINES AND OVERSEER'S QUARTERS, SEMENYIH-BANGI ROAD. TENDERS FOR:-". <a href="#">SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR @ Arkib Negara Malaysia</a>

## 1914-03-18: Pembinaan Balai Polis Bangi

Tarikh	Butiran Keratan
1914.03.18	"CONSTRUCTION OF POLICE STATION AND BARRACKS, BANGI. TENDERS FOR:-". <a href="#">SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR @ Arkib Negara Malaysia</a>

Pernyataan tender bagi pembinaan balai polis Bangi.

**LATAR PERISTIWA:** [Balai Polis Bangi](#).

## 1914-05-04: Kedai Candu

Tarikh	Butiran Keratan
1914.05.04	"CANCELLATION OF CHANDU SHOP LICENCE NO: 8, BANGI". <a href="#">SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR @ Arkib Negara Malaysia</a>

Pembatalan lesen kedai candu di Bangi (No: 8).

**CATATAN:** Pembukaan kedai candu di Tanah Melayu, termasuk di Bangi, berlaku seiring dengan kegiatan perlombongan dan perladangan, khususnya di kalangan pekerja yang dibawa dari negeri Cina, sejak 1867 lagi. Namun sejak tahun 1910, pihak British telah mula mengawal selia kegiatan berkaitan candu, dan berusaha mengurangkan penghasilan serta penjualannya. Pembatalan lesen ini mungkin salah satu langkah yang sejajar dengan usaha tersebut.

**LATAR PERISTIWA:** [Candu di Tanah Melayu](#).

## 1915-06-30: Kindersley Brothers @ Ladang Balgownie

Tarikh	Butiran Keratan
1915.06.30	<a href="#">"Balgownie Rubber Estates Ltd". Malaya Tribune., 30 June 1915, Page 4</a>

Laporan mesyuarat lembaga pengarah Ladang Balgownie, dipengerusikan oleh R.C.M. Kindersley. Antara isu yang dibangkitkan ialah kesan penorehan getah berlebihan (overtapping) di Bangi, serta penutupan hospital ladang di [Reko](#), setelah hospital Kajang dibuka kepada warga estet-estet (bangunan barunya telah pun siap dibina pada tahun 1910 (Hospital Kajang, 2016:

"Sejarah"))).

Bangunannya masih elok (baru 2-3 tahun beroperasi), namun oleh kerana nilai jualannya rendah, pihak pengurusan mengambil keputusan untuk merobohkannya. Kemungkinan besar ianya telah dirobohkan tidak lama selepas itu, dan tiada kesannya lagi kini. Lokasinya juga tidak dapat dipastikan: kemungkinan tidak jauh dari pejabat R.C.M. Kindersley di Reko Hill Estate (sekitar Pusat Hentian Kajang kini).

**LATAR PERISTIWA:** [Balgownie Estate](#)

**LATAR PERISTIWA:** [Perihal Perladangan RCM dan DCP Kindersley.](#)

## 1915-11-10: Ladang Gula

Tarikh	Butiran Keratan
1915.11.10	<a href="#">"Sugar". Malaya Tribune., 10 November 1915, Page 14</a>

Aduan pembaca, seorang pengusaha ladang tebu di Bangi, berkenaan kemerosotan prospek keuntungan dan tenaga kerja ladang tebu berbanding getah. Antara dakwaan beliau: ladang getah lebih rendah kos pengusahaannya, serta tidak terjejas oleh peralihan sistem kuli kontrak kepada sistem migran "bebas".



Ladang gula di Tanah Melayu, beberapa tahun sebelumnya (1907): *"Showing Indian labourers hauling boats loaded with harvested cane along a canal in a sugar plantation."* (Cambridge University Library:

["Sugar plantation, 1907"](#). Sumber gambar: Charles Kleingrothe, 1907 @ National Gallery of Australia:

["Fed. Malay Stat. 33: Sugar Plantation 1907"](#)).

**LATAR PERISTIWA:** Maklumat lanjut tentang peralihan sistem perolehan pekerja ini boleh dibaca di dalam artikel [Amarjit Kaur](#) @ New Mandala (2013):-

• |  
["Indian migrant workers in Malaysia - part 1"](#)

• |  
["Indian migrant workers in Malaysia - part 2"](#)

Sumber-sumber lain:-

• |  
[James Hagan, Andrew Wells, 2005: "The British and rubber in Malaya, c1890-1940"](#)

• [Mangai Balasegaram](#) @ Between The Lines, Nov 8, 2020:

|  
["Different Class: The Marginalisation of Indians in Malaysia"](#).

## 1916-03-18: Pembalakan

Tarikh	Butiran Keratan
1916.03.18	"SANCTION TO PUT UP TO TENDERS AN AREA OF ABOUT 5000 ACRES OF VIRGIN FOREST NORTH OF THE LANGAT RIVER AND WEST OF THE BANGI FOREST. RESERVE TO EXPLOIT THAT FOREST FOR TIMBER". PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR @ Arkib Negara Malaysia

Kawasan hutan dara seluas 5000 ekar di utara Sungai Langat, sebelah barat Hutan Bangi, bakal diwartakan untuk pembalakan.

## 1916-05-10: Belalang Juta

Tarikh	Butiran Keratan
1916.05.10	"The Locust Pest". The Straits Times, 10 May 1916, Page 3

Laporan kawalan populasi belalang juta di Malaya, melalui kaedah racun di kawasan sarangnya, termasuk sawah-sawah padi di sekitar Bangi.

## 1917-03-29: Kelahiran Anak Pengurus Ladang Bukit Tunggu

Tarikh	Butiran Keratan
1917.04.05	"BIRTHS". The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser (Weekly), 5 April 1917, Page 1

Kelahiran anak pasangan [Mr/Mrs Robert Stevenson](#) di [Ladang Bukit Tunggu](#), Bangi: "*Stevenson. - On Thursday the 29th March, 1917, to Mr. and Mrs. Robert Stevenson, of Bukit Tunggu Estate, Bangi, a daughter.*"

**LATAR PERISTIWA:** [Robert Stevenson](#).

**LATAR PERISTIWA:** [Bukit Tunggu Estate](#).

**LATAR PERISTIWA:** [Getah di Malaya](#).

## 1917-06-15: Kes Bunuh

Tarikh	Butiran Keratan
1917.06.15	"Kuala Lumpur Assizes". Malaya Tribune., 15 June 1917, Page 3


Perkembangan suatu Kes Pembunuhan di Bangi: Tuduhan bunuh telah digugurkan.

## 1917-08-30: Petisyen Stesen Keretapi Bangi

Tarikh	Butiran Keratan
1917.08.30	"Untitled". The Straits Times, 30 August 1917, Page 6

Laporan petisyen penduduk dan peniaga di Bangi, memohon agar keretapi jam 9.30 pagi berhenti di stesen keretapi Bangi.

**CATATAN:** Di dalam peta dan jadual landasan keretapi Bangkok-Singapura tahun 1918 di bawah, stesen Bangi masih belum tersenarai sebagai hentian utama:-



STATEMENT OF MILEAGE BETWEEN BANGKOK & SINGAPORE

To	From Bangkok		From Singapore	
	M	C	M	C
TANK ROAD	1188	01	0	00
WOODLANDS	1173	27	14	54
JOHORE BHARU	1171	51	16	30
KLUANG	1117	42	70	39
GEMAS	1050	11	137	70
Bahau	1072	09	180	48
Kuala Pilah	1085	07	173	46
Triang	1105	01	193	40
Mentakab	1125	06	213	45
Jerantut	1158	21	240	00
Tembeling	1167	32	255	11
Kuala Lipis	1191	28	279	07
TAMPIN	1017	58	170	25
Malacca	1038	09	191	38
SEREMBAN	987	37	200	44
Port Dickson	1012	23	225	30
SALAK SOUTH JN.	946	43	241	38
Sultan Street	950	04	245	59
Ampang	952	37	247	32
Kiang	963	34	264	43
Port Swettenham	968	74	270	03
K. Selangor	995	48	291	45
KUALA LUMPUR	941	77	246	04

"Peta memaparkan laluan dan hentian keretapi dari Bangkok ke Singapura bagi tahun 1918 yang di keluarkan oleh Waterlow & Sons, Limited bagi pihak Malaya Survey Department Kuala Lumpur : Central Survey Office."

(Sumber gambar: Izmal Karim @ Facebook, 4 April 2021:

"Peta & Sejarah: Jajaran Landasan Keretapi dari Bangkok ke Singapura - 1918").

**LATAR PERISTIWA: Landasan Keretapi Rekoh-Bangi.**

# 1918: Ketua Kampung Pertama Bangi

Tarikh	Butiran Keratan
1918	"Sejarah Bangi". Faizal Hj Zainal, 2008

*"Saidon Malim Mekah @ Megat adalah merupakan Ketua Kampung Bangi pertama yang dilantik oleh Residen Selangor & diperkenankan oleh Sultan Selangor pada tahun 1918 seperti tercatat dalam surat watakah perlantikannya."* (Faizal Hj Zainal, September 14, 2008:

"Sejarah Bangi").

# 1918-07-06: Kedai Todi



Tarikh	Butiran Keratan
1918.07.06	"DEATH OF S. MEYAPPAN, TODDY-SHOP-KEEPER, BANGI - APPLICATION BY PERIAMNAN FOR SANCTION TO CARRY ON THE BUSINESS". PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR @ Arkib Negara Malaysia

S. Meyappan, pekedai todi Bangi, telah meninggal dunia. Periamnan memohon untuk menyambung perniagaan beliau.

## LATAR PERISTIWA: Todi di Tanah Melayu.

# 1918-11-30: Perkuburan Cina di Jalan Kajang-Bangi

Tarikh	Butiran Keratan
1918.11.30	"CHINESE BURIAL GROUND ON THE BANGI-KAJANG ROAD". PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR, 30/11/1918 @ Arkib Negara Malaysia





"Sejarah Bangi").


**LATAR PERISTIWA: 1941: Pembinaan Masjid Bangi.**

## 1919-04-09: Banjir di Jalan Bangi-Salak, Landasan Bangi-Batang Benar

Tarikh	Butiran Keratan
1919.04.09	"THE FLOODS IN MALAYA". The Straits Times, 9 April 1919, Page 9
1919.04.10	"Untitled". The Straits Times, 10 April 1919, Page 6
1919.04.10	"K. L. Floods". Malaya Tribune., 10 April 1919, Page 6

Banjir di Selangor. Antara lain, landasan keretapi di antara Batang Benar dan Bangi, serta Jalan Bangi-Salak telah ditenggelami air.





**Kiri:** Landasan Bangi-Batang Benar (biru), dan [Jalan Bangi-Salak](#) (merah), berdasarkan peta 1929 (Edward Stanford @ F.M.S. Survey Department, 1929:

|  
"1929 F.M.S. Wall Map of Selangor (Kuala Lumpur)".

**Kanan:** Landasan Bangi-Batang Benar (biru), dan [Jalan Bangi-Salak](#) (merah), kini ([Mapcarta](#)).

**CATATAN:** Landasan Bangi-Batang Benar ditenggelami air sekali lagi pada [2 Disember 1925](#).

**LATAR PERISTIWA:** [Banjir Sekitar Bangi](#).

**LATAR PERISTIWA:** [Jalan Reko-Sepang](#).

**LATAR PERISTIWA:** [Landasan Keretapi Rekoh-Bangi](#).

## 1919-07-22: Kediaman Penjaga Hutan

Tarikh	Butiran Keratan
1919.07.22	"FOREST GUARD QUARTERS, KAJANG AND BANGI AND FORESTERS QUARTERS, ULU LANGAT - TENDERS FOR :-". PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR @ <a href="#">Arkib Negara Malaysia</a>

Tender pembinaan tempat tinggal penjaga hutan Kajang, Bangi, dan Ulu Langat. Lokasi serta butiran lainnya belum dapat diketahui.

<a href="#">Laman Utama</a>	<a href="#">1900-1909</a>	<a href="#">1910-1919</a>	<a href="#">1920-1929</a>	<a href="#">1930-1939</a>	<a href="#">1940-1949</a>	<a href="#">1950-1959</a>	<a href="#">1960-1969</a>	<a href="#">1970-1979</a>	<a href="#">1980-1989</a>	<a href="#">1990-1999</a>	<a href="#">Hubungi Kami</a>
-----------------------------	---------------------------	---------------------------	---------------------------	---------------------------	---------------------------	---------------------------	---------------------------	---------------------------	---------------------------	---------------------------	------------------------------

Pengakuan penting: Kami bukan ahli sejarah! Sila klik di [sini](#) untuk penjelasan lanjut.

<a href="#">Laman Utama</a>	<a href="#">1900-1909</a>	<a href="#">1910-1919</a>	<a href="#">1920-1929</a>	<a href="#">1930-1939</a>	<a href="#">1940-1949</a>	<a href="#">1950-1959</a>	<a href="#">1960-1969</a>	<a href="#">1970-1979</a>	<a href="#">1980-1989</a>	<a href="#">1990-1999</a>
-----------------------------	---------------------------	---------------------------	---------------------------	---------------------------	---------------------------	---------------------------	---------------------------	---------------------------	---------------------------	---------------------------

Siri Cebisan Sejarah:	<a href="#">Bangi</a>	<a href="#">Gambang</a>	<a href="#">Hutan</a>	<a href="#">Ipoh</a>	<a href="#">Kajang</a>	<a href="#">Kuala Lumpur</a>	<a href="#">Kuantan</a>	<a href="#">Pulau Pinang</a>	<a href="#">Hubungi Kami</a>	
-----------------------------	-----------------------	-------------------------	-----------------------	----------------------	------------------------	------------------------------	-------------------------	------------------------------	------------------------------	--

Selain petikan dan sumber yang dinyatakan, rencana ini telah diusahakan oleh TMK Pulasan, di bawah kelolaan Syahrul Sazli Shahrir < sazli@pulasan.my >. Pengakuan penting: Kami bukan ahli sejarah! Sila klik di sini untuk penjelasan lanjut.

From:  
<https://bangi.pulasan.my/> - **Cebisan Sejarah Bangi**

Permanent link:  
<https://bangi.pulasan.my/sejarahbangi-1910-1919>

Last update: **2025/11/04 22:32**

